

KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/04/29 – 38

HASiL MEMPERGIAT PROMOSI DAN MENDIDIK PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA UNTUK MELAKSANAKAN e-INVOIS MELALUI PROGRAM JELAJAH MEGA e-INVOIS 2025

Kuala Lumpur, 29 April 2025 – Dengan berkonsepkan turun padang ke premis pembayar cukai, HASiL tampil secara bersemuka sebagai tanda sokongan dan komitmen untuk memberikan kefahaman berkenaan pelaksanaan e-Invois kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui Program Jelajah Mega e-Invois yang diadakan serentak di seluruh Malaysia. Program ini bertujuan mendekati lebih ramai pembayar cukai serta mempergiat promosi dan mendidik pembayar cukai ke arah pelaksanaan e-Invois. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan bertempat di Dewan Wawasan, Kompleks Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim.

Program ini menyasarkan PMKS, komuniti e-dagang serta orang awam dengan objektif memperkenalkan sistem e-Invois dan memberi pemahaman menyeluruh mengenai manfaat serta kaedah pelaksanaannya. Seramai 1,000 pegawai daripada 38 pejabat HASiL seluruh negara terlibat secara serentak untuk menjalankan lebih 4,000 lawatan premis bagi membuka ruang kepada pembayar cukai mendapatkan khidmat nasihat dan sokongan ke atas pelaksanaan e-Invois secara berterusan.

Ms | 1

Dalam ucapan perasmianya, YB Puan Lim Hui Ying menekankan bahawa pelaksanaan e-Invois bukanlah suatu beban kepada perniagaan dan ia tidak akan mengubah operasi PMKS. Sebaliknya, sistem ini membuka peluang kepada PMKS untuk mengadaptasi pendigitalan dalam operasi dan urus niaga mereka yang akan membawa manfaat besar dari segi kecekapan perniagaan. Di samping itu, pelaksanaan e-Invois dapat mengurangkan kos pematuhan cukai dan membantu pembayar cukai dalam membuat laporan kewangan yang lebih tepat dan betul, sekali gus memberikan lebih banyak manfaat kepada rakyat dan pembayar cukai secara keseluruhan.

Sementara itu, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dalam ucapannya berkata, penganjuran Program Jelajah Mega e-Invois ini mencerminkan pendekatan proaktif HASiL dalam mendekati pembayar cukai melalui penyampaian maklumat dan pendedahan secara bersemuka mengenai pelaksanaan e-Invois serta penerangan ringkas berkenaan penggunaan Portal MyInvois yang kini menjadi teras dalam pemodenan sistem percukaian negara.

Bersempena dengan Jelajah Mega e-Invois ini, HASiL telah menyusun pelbagai aktiviti atau khidmat sokongan kepada pembayar cukai bagi memastikan kelancaran pelaksanaan e-Invois. Selain daripada aktiviti turun padang ke premis pembayar cukai, HASiL turut akan mengadakan sesi taklimat pelaksanaan e-Invois di seluruh Malaysia secara percuma sebagai usaha memperluaskan kefahaman masyarakat berkenaan e-Invois. Sesi taklimat ini bertujuan memberikan penerangan berkenaan MyInvois Portal dan Aplikasi MyInvois serta cara penggunaannya. HASiL turut menyediakan kaunter perkhidmatan di seluruh Malaysia bagi memberikan khidmat

nasihat dan bantuan penggunaan Portal, Aplikasi MyInvois serta MyInvois e-POS bagi memastikan pematuhan pelaksanaan e-Invois.

Turut hadir pada majlis ini ialah YBrs. Tuan John Patrick A/L Antonysamy, Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan, YBrs. Encik Khairul Halimin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) HASiL, YBrs. Encik Ahmad Khairuddin Abdullah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Cawangan Khas) HASiL serta barisan pengurusan kanan HASiL.

Program Jelajah Mega e-Invois bukanlah sekadar usaha pendigitalan, tetapi juga merupakan langkah strategik dalam membina ekosistem percukaian yang lebih cekap, moden dan inklusif. Dengan kerjasama erat antara kerajaan dan masyarakat perniagaan, sistem e-Invois bakal menjadi pemacu utama ke arah pematuhan cukai yang lebih mudah, menyeluruh dan berdaya saing di pentas global.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 April 2025

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian Jelajah Mega e-Invois 2025.



YB Puan Lim Hui Ying (tengah) menyempurnakan sesi pelepasan petugas (*flag-off*) diiringi KPE HASiL (kiri) dan Tuan John Patrick A/L Antonymsamy, Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan (kanan).



Timbalan Menteri Kewangan membuat sesi lawatan ke Kaunter HASiL di Kompleks Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim.



YB Puan Lim Hui Ying melakukan sesi beramah mesra bersama-sama dengan peniaga gerai di Medan Selera Duta.